



**Rujukan : UMS/BEN3.2.1/100-1/7/3 JILID 6 (5)**

**Tarikh : 28 Mei 2024**

---

## **PEKELILING BENDAHARI BILANGAN 3 TAHUN 2024**

---

### **GARIS PANDUAN PENGURUSAN ASET HIDUP HAIWAN DAN ASET HIDUP IKAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

#### **1. TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk—

- 1.1 memaklumkan Garis Panduan Pengurusan Aset Hidup Haiwan dan Aset Hidup Ikan untuk dilaksanakan di Universiti Malaysia Sabah (UMS), dan
- 1.2 menerangkan peranan dan tanggungjawab serta proses yang terlibat dalam pengurusan aset hidup di UMS.

#### **2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Merujuk tafsiran dalam Peraturan Universiti Malaysia Sabah (Kewangan dan Perakaunan) 2023, aset ertinya harta benda kepunyaan atau milikan atau di bawah kawalan Universiti samada berbentuk aset alih, aset tak alih, aset hidup, aset tak ketara atau stok.
- 2.2 Jabatan Bendahari UMS telah mengeluarkan Garis Panduan Pengurusan Aset Alih (GPPA) UMS sebagai panduan dan rujukan bagi menguruskan Harta Modal dan Aset Alih Bernilai Rendah di setiap PTJ.

2.3 Selaras dengan Dasar Perakaunan Universiti Malaysia Sabah;-

*Aset hidup UMS adalah bertujuan untuk aktiviti pengajaran dan penyelidikan. Hasil dan kos aset hidup diiktiraf sebagai pendapatan dan perbelanjaan di dalam prestasi kewangan tahun semasa.*

2.4 Walau bagaimanapun, satu panduan adalah diperlukan sebagai langkah kawalan dalaman untuk memastikan pengurusan aset hidup UMS dilaksanakan secara cekap, teratur dan berkesan bagi mengelakkan pembaziran serta kerugian seperti penyalahgunaan, penggunaan secara tidak optima ataupun kehilangan aset hidup tersebut.

### **3. PUNCA KUASA**

3.1 Statut Universiti Malaysia Sabah (Jawatankuasa Pengurusan Universiti) 2019, Fungsi dan Kuasa Jawatankuasa;

*3 (1) Jawatankuasa hendaklah menasihati Naib Canselor di dalam menjalankan kuasa dan tanggungjawabnya sebagai ketua pegawai eksekutif yang bertanggungjawab bagi keseluruhan fungsi petadbiran, akademik, pengurusan dan hal ehwal harian Universiti selaras dengan apa-apa kuasa yang diberikan kepada Naib Canselor mengikut perlembagaan atau mana-mana statut, kaedah dan Peraturan.*

*3 (2) Bagi maksud subseksyen (1), perkara yang boleh dinasihati oleh jawatankuasa termasuklah;*

*(g) kewangan*

3.2 Statut Universiti Malaysia Sabah (Bursar) 2019, Kuasa dan Kewajipan Bursar;

*Seksyen 3 (c) Tertakluk kepada Perlembagaan, Statut, Kaedah dan Peraturan, Bursar hendaklah mempunyai kuasa dan kewajipan berikut-*

*(c) mengeluarkan arahan pengurusan kewangan dan memberi nasihat berkaitan hal kewangan.*

#### **4. GARIS PANDUAN PENGURUSAN ASET HIDUP HAIWAN DAN ASET HIDUP IKAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

- 4.1 Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) Bil.2/2024 (Kali Ke-360) pada 30 Januari 2024 telah bersetuju meluluskan Garis Panduan Pengurusan Aset Hidup Haiwan dan Aset Hidup Ikan untuk dilaksanakan di UMS.
- 4.2 Garis panduan ini adalah disediakan berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan – Tatacara Pengurusan Aset Hidup Ikan (TPI) dan Tatacara Pengurusan Aset Hidup Haiwan (TPH) yang telah disesuaikan pemakaian bagi pelaksanaan di UMS.
- 4.3 Secara ringkasnya garis panduan yang disertakan bersama-sama pekeling ini adalah meliputi perkara-perkara seperti berikut:-
- a) Bab A - Pendahuluan
    - Definisi, Istilah, Skop Pemakaian serta Peranan dan Tanggungjawab
  - b) Bab B - Garis Panduan Pengurusan Aset Hidup Haiwan (GPPH)
    - Pengurusan berkaitan Penerimaan, Pendaftaran, Penggunaan dan Penjagaan, Pemeriksaan, Pindahan, Pelupusan, Kehilangan dan Hapus Kira Aset Hidup Haiwan
  - c) Bab C - Garis Panduan Pengurusan Aset Hidup Ikan UMS (GPPI)
    - Pengurusan berkaitan Penerimaan, Pendaftaran, Penggunaan dan Penjagaan, Pemeriksaan, Pindahan, Pelupusan, Kehilangan dan Hapus Kira Aset Hidup Ikan.

#### **5. PELAKSANAAN GARIS PANDUAN PENGURUSAN ASET HIDUP HAIWAN DAN ASET HIDUP IKAN UMS.**

- 5.1 Jawatankuasa Pengurusan UMS telah bersetuju dengan tempoh masa pelaksanaan Garis Panduan Aset Hidup Haiwan dan Aset Hidup Ikan UMS selama 9 bulan seperti berikut :-

a) **Fasa Pelaksanaan : Suku 2 dan Suku 3, tahun 2024**

PTJ melaksanakan proses pelantikan pegawai bagi pengurusan aset hidup seperti Pegawai Aset dan Pembantu Pegawai Aset serta melaksanakan proses penilaian (jika berkaitan) dan penyediaan borang-borang yang berkaitan.

b) **Fasa Pemantauan : Suku 4, Tahun 2024**

PTJ melaksanakan pemeriksaan fizikal aset hidup bersekali dengan aktiviti pemeriksaan tahunan aset UMS.

- 5.2 Sehubungan itu, PTJ hendaklah membuat perancangan serta mengambil langkah-langkah tindakan bagi memastikan pematuhan sepenuhnya Garis Panduan Pengurusan Aset Hidup Haiwan dan Aset Hidup Ikan UMS **menjelang 1 Januari 2025.**

## 6. HAL-HAL LAIN

Pertanyaan lanjut berkaitan Garis Panduan Pengurusan Aset Hidup Haiwan dan Aset Hidup Ikan UMS ini boleh dirujuk kepada pihak berikut:

**Sektor Pengurusan Harta dan Risiko**

Jabatan Bendahari UMS

Alamat emel: [aset@ums.edu.my](mailto:aset@ums.edu.my)

## 7. PEMAKAIAN DAN KUATKUASA

- 7.1 Pekeliling Bendahari ini dipanjangkan kepada semua pegawai UMS untuk digunapakai bagi memastikan pengurusan kewangan dan perakaunan di UMS berjalan dengan cekap dan berkesan.
- 7.2 Pekeliling ini hendaklah dipatuhi sepenuhnya dan mana-mana pegawai yang gagal melaksanakan tanggungjawab seperti yang ditetapkan ini, boleh dikenakan surcaj dan/ atau tindakan tatatertib.

7.3 Pekeliling ini adalah berkuatkuasa serta merta pada tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**BADRUL HISHAM ISMAIL C.A (M)**

Bendahari

s.k

- Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
- Pendaftar
- Penasihat Undang-Undang
- Ketua Pustakawan
- Penolong Naib Canselor (Strategik)
- Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)
- Ketua Pegawai Digital
- Pengarah UMS Kampus Antarabangsa Labuan
- Ketua Pejabat Audit Dalam
- Ketua-ketua Bahagian, Jabatan Bendahari